

# Tiada Suruhanjaya Kebenaran ditubuhkan siasat rusuhan 13 Mei

Um - 15/5/2007

KUALA LUMPUR 14 Mei - Kerajaan tidak akan menubuhkan Suruhanjaya Kebenaran bagi menyiasat punca rusuhan kaum 13 Mei 1969, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut beliau, walaupun kerajaan tahu punca rusuhan berdarah itu, namun apa yang penting ialah kerajaan telah mempelajari kejadian tersebut bagi memastikan ia tidak berulang.

"Kita tidak perlu kembali pada sejarah, kita perlu menuju ke hadapan. Ia (13 Mei) adalah episod menyakitkan dalam sejarah. Saya tidak fikir untuk membuka semula episod sedih tersebut," katanya pada sidang akhbar majlis pelancaran program Tanggungjawab Sosial Korporat Telekom (TM) di sini hari ini.

Najib berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan pertubuhan Suara Rakyat Malaysia (Suaram) supaya kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Kebenaran bagi mencari punca rusuhan kaum itu atas alasan untuk perpaduan kaum pada masa depan.

Suaram mengemukakan cadangan itu berdasarkan kandungan buku berjudul *May 13: Declassified Documents on the Malaysian Riot of 1969* yang ditulis oleh bekas Ahli Parlimen DAP kawasan Petaling Jaya, Dr. Kua Kia Soong.

Kia Soong mendakwa punca rusuhan itu bukanlah akibat keganasan kaum seperti yang digambarkan selama ini tetapi berpunca daripada tindakan golongan ekstrem dalam UMNO yang ingin menggulingkan kerajaan pimpinan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra.

Beliau mendakwa telah mem-

buat kajian itu selama tiga bulan dengan meneliti rekod dan dokumen di Pejabat Rekod Awam di London mengenai tragedi 13 Mei 1969.

Dalam perkembangan lain, Najib juga ditanya mengenai tindakan ke atas dua penyokong kerajaan di Dewan Rakyat berhubung kenyataan terhadap Ahli Parlimen Batu Gajah, Fong Po Kuan.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Ketua Whip berkata, sebarang keputusan terhadap kedua-dua penyokong kerajaan, Datuk Bung Mokhtar Radin (BN-Kinabatangan) dan Datuk Mohd. Said Yusof (BN-Jasin) bergantung kepada Parlimen.

Kedua-dua Ahli Parlimen itu memberi komen "Batu Gajah tiap-tiap bulan bocor juga" yang membawa makna negatif.

"Saya tidak mahu memberi sebarang keputusan. Mereka bercakap bukan secara serius, berjenaka... tetapi sudah tentu orang mengambil serius mengenainya," kata beliau.

Pada 10 Mei lalu, Dewan Rakyat menolak usul pembangkang untuk membawa kedua-dua penyokong kerajaan itu ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan berhubung kenyataan "Batu Gajah tiap-tiap bulan pun bocor juga."

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata, keputusan untuk menolak usul tersebut dibuat berdasarkan Peraturan Mesyuarat 26 (IP) yang mengkehendaki usul dibuat semasa kejadian itu berlaku.

Menurut Ramli, berdasarkan peraturan tersebut, sepatutnya pembangkang membawa usul tersebut pada 9 Mei dan bukannya sehari selepas kejadian.